



# Program PIE tingkat penguasaan mahasiswa antarabangsa berbahasa Inggeris

Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan majlis penganugerahan sijil tamat Program Intensif Bahasa Inggeris (PIE) kepada seramai 87 pelajar antarabangsa UMP pada 14 April 2015 yang lalu.

Majlis penyampaian sijil disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin bertempat di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang. Turut hadir Timbalan Dekan PBMSK, Dr. Norehan Sulan.

Dalam ucapannya, Dato' Dr. Yuserrie mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang berjaya mengikuti program PIE Program Persediaan Intensif Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Katanya, program PIE ini yang dijalankan pihak PMBSK bermula sejak tahun 2008 lagi ini banyak membantu pelajar antarabangsa meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris sebelum menyambung

pengajian mereka di peringkat ijazah dan lepasan ijazah.

"Penguasaan bahasa Inggeris ini sangat penting bagi memudahkan pelajar mengikuti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti sehari-hari ketika melanjutkan pengajian di Malaysia."

"Sehingga kini, seramai 531 pelajar antarabangsa dari 37 buah negara mendaftar di UMP bagi menyambung pengajian di peringkat sarjana muda dan lepasan Ijazah. Jumlah ini juga mewakili 5.43 peratus daripada jumlah enrolmen semasa iaitu 9,780 pelajar di universiti ketika ini," ujar Dato' Dr. Yuserrie semasa berucap merasmikan Majlis Penyampaian Sijil Tamat Program PIE.

Tambahnya, walaupun dilihat peratusan ini masih kecil namun ia merupakan petunjuk positif bahawa UMP telah mencapai kedudukan berdaya saing dalam pasaran pendidikan global yang seterusnya mencapai Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Beliau mengharapkan pelajar akan terus cemerlang dalam pengajian sehingga tamat pengajian dan diharapkan usaha untuk ini akan dapat menarik lebih ramai bakal pelajar untuk mendaftar pengajian di UMP.

Sementara itu, koordinator yang menyelaras program PIE, Dr. Zailin Shah Yusoff, berbangga dengan perkembangan dan pencapaian pelajar antarabangsa yang mengikuti program ini sepanjang lima tahun pelaksanaannya.

Dalam majlis ini, pelajar Aiman Awadh Saleh Mokaizh dari Yaman diiumum pemenang *Most Outstanding Award* yang mendapat keputusan 5.8 dan mencapai tahap kompetensi dalam tempoh masa paling pantas iaitu sebulan.

Anugerah *Best Achievement Award* bagi kategori Pascasiswa pula dimenangi oleh Mohd Midhat Hasan dari Iraq dengan keputusan 6.5 manakala Anugerah *Best Achievement Award* kategori Ijazah pula dimenangi oleh Ahmed Hasan Ahmed al-Hamed dari Yaman dengan keputusan 6.3.